

Penduduk di kawasan rendah perlu bersiap sedia

SIMUNJAN 31 Dis. - Penduduk yang tinggal di kawasan rendah terutama berdekatan dengan sungai dinasihat supaya tidak panik, sebaliknya bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri berkata, perse-diaan harus dilakukan kerana hujan lebat yang berterusan sejak seminggu lalu manakala paras air sungai dilaporkan mula meningkat.

Beliau berkata, meskipun keadaan di seluruh negeri ini masih terkawal dan belum ada kawasan yang ditenggelami air namun penduduk dinasihat supaya bersiap sedia.

"Penduduk dinasihat supaya sentiasa memberi kerjasama kepada pihak berkuasa sekiranya diarah berpindah untuk mengelak kejadian tidak diingini.

"Walaupun bagaimanapun, penduduk tidak perlu bimbang kerana pasukan keselamatan dan sukarelawan daripada pelbagai agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)



GAMBAR yang dirakamkan dari udara menunjukkan Kampung Paroh di Kuching dinaiki air selepas paras air Sungai Sarawak melepasi tebing sejak pukul 5 petang, semalam.

sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi musim tengkujuh," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sadong Jaya berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui semasa membuat tinjauan banjir di sini hari ini.

Kira-kira 300 penduduk di sekitar Kampung Hijrah, Kampung Nanas dan Jalan Sabun terjejas setelah rumah mereka dinaiki air setinggi satu meter pagi ini.

Nancy turut mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan banjir agar berwaspada dengan

amaran hujan lebat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi dari semasa ke semasa.

Katanya, mangsa banjir juga diingatkan supaya membawa bersama dokumen penting dan keperluan asas peribadi semasa berada di pusat pemindahan.